

Menurutnya, ujian dan peperiksaan seperti yang berjalan sekarang akan diteruskan sehingga satu cara yang benar-benar berkesan dapat diadakan kelak bagi menentukan kecekapan tiap seorang murid.

Dalam satu pertemuan khas dengan Berita Harian hari ini, Dr. Maha-

Oleh SHAFIE NOR
K. LUMPUR, Selasa

thir bercakap dengan terus terang tentang masalah pelajaran yang dihadapi di negara ini.

Beliau juga menyentuh mengenai tujuan pelajaran yang sebenarnya, iaitu meluaskan pengalaman bagi seseorang kanak-kanak dan menentukan jurusan apa bagi seseorang penuntut itu patut meneruskan pelajarannya.

Membazir

"Kalau kita berpendapat bahawa pelajaran semata-mata untuk meluaskan pengalaman, bolehlah kita adakan

ujian besar daripada anak-anak kita tidak dapat meneruskan pelajaran kerana gagal dalam ujian.

"Ataupun kalau kita menahan setahun dua bagi kanak-kanak yang tidak lulus ini akan menambah beban bagi peringkat-peringkat yang di bawah kerana yang telahpun masuk ujian terpaksa ditahan dengan yang baru pula naik dan akan menambah bilangan penuntut di dalam sebuah kelas," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, ujian-ujian yang dijalankan kalau diteliti adalah sama caranya, tetapi ujian itu penting untuk menentukan kebolehan kanak-kanak di dalam sesuatu bidang.

Beliau mengakui bahawa ujian memanglah satu cara yang menimbulkan banyak tanda tanya kerana kadang-kadang ujian itu sebagai satu cara yang cekap untuk menentukan sesuatu.

"Tetapi kadang-kalanya tidak dapat menentukan kebolehan kanak-kanak secara yang betul-betul tepat.

"Sebab itu kita dapati banyak tentangan mengenai ujian ini terutama dari pihak-pihak yang gagal dalam ujian ini.

"Bagi mereka yang berjaya dalam ujian, mereka tentulah berkata ini tidak menentukan apa-apa, iaitu dengan ujian ini kita belum dapat menentukan samada kanak-kanak itu ada

rid, tetapi kalau ujian tidak diadakan sama sekali," kita tidak dapat juga memberi pelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak."

"Selingga sekarang pun kita belum dapat mengadakan satu cara yang betul-betul berkesan dalam menentukan bidang apa yang anak-anak itu ada kecekapan.

"Sebab itulah kita masih terpaksa menggunakan cara-cara ujian seperti yang kita lakukan sekarang," katanya lagi.

Dr. Mahathir berkata, pelajaran yang diberi di peringkat sekolah rendah ialah untuk meluaskan pengalaman kanak-kanak secara yang lebih teratur selain yang mereka dapati daripada ibubapa sendiri.